


Lipis Geopark lonjak pelancongan setempat



KEINDAHAN alam semula jadi dan ikan liar antara tarikan yang terdapat di Sungai Tanum, Lipis.



GUA batu kapur Merapoh merupakan kawasan yang diiktiraf Lipis Geopark Kebangsaan.

Lipis Geopark lonjak pelancongan setempat

LIPIS – Daerah ini bakal menjadi destinasi pelancongan antarabangsa berasaskan geologi, alam sekitar dan warisan sejarah selepas diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan baru-baru ini.

Ahli Parlimen Lipis, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, pengiktirafan itu membolehkan Lipis yang kaya dengan artifak penjajah British abad ke-19, keindahan alam sekitar, nilai budaya dan seni serta gua batu kapur memeta bidang pelancongan lestari bertaraf dunia.

“Pengiktirafan ini bakal menjana industri pelancongan geologi sekali gus menarik orang ramai dari seluruh dunia ke sini. Lipis juga bakal menjadi pusat kajian universiti tempatan dan luar.

“Lipis Geopark yang berkeluasan 5,198 kilometer persegi meliputi keseluruhan daerah ini terdiri daripada 28 tapak warisan geologi, 18 tapak warisan budaya dan enam tapak warisan biologi merupakan geopark terbesar di Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian se-

lepas menyampaikan hadiah pemenang Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah di sini semalam.

Jelas beliau, pengiktirafan itu juga sejajar dengan draf perancangan Blueprint Pahang Destinasi Warisan Dunia 2024-2028 untuk menjadikan Lipis destinasi bertaraf dunia bawah kategori Tapak Warisan Dunia, Program Manusia dan Biosfera dan Unesco Global Geopark.

Lipis khususnya bandar Kuala Lipis sinonim dengan artifak tinggalan penjajah melibatkan ban-

gunan bersejarah seperti pejabat kerajaan, sekolah, kediaman British dan stesen kereta api.

Lipis pernah menjadi ibu negeri Pahang pada tahun 1898 sebelum berpindah ke Kuantan pada 27 Ogos 1955.

“Dengan pengiktirafan ini juga penduduk di daerah ini turut berpeluang menjana pendapatan menerusi aktiviti perniagaan seperti makanan, penginapan, pengangkutan dan sebagainya apabila pengunjung luar singgah di sini,” kata beliau.